

FAKTOR PERKEMBANGAN KAUNSELING ISLAM DI MALAYSIA SATU KAJIAN (Development Factor of Islamic Counselling in Malaysia A study)

* Mohd Khir Johari Abas¹

¹Jabatan Pengajian AM
Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS)
35950 Behrang, Perak, Malaysia.

*Corresponding author's email: mkhi@psas.edu.my

Article History:

Submit: 9 October 2018

Accepted: 22 December 2018

Revised: 23 December 2018

Published: 31 December 2018

Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education

Vol. 2, No. 2 (2018), 29-35

Abstrak

Kaunseling di Malaysia bermula seawal era penjajahan selari dengan perkembangan pendidikan di tanah air. Tumpuan utama bidang kaunseling ketika itu adalah memberikan perkhidmatan kepada pelajar, penjaga dan guru-guru dalam menyediakan para pelajar untuk bidang pekerjaan. Walau bagaimana pun bidang kaunseling hanya bermula secara rasmi di Malaysia setelah kemerdekaan tanah air atau secara lebih tepatnya pada tahun 1963. Berdasarkan penelitian literatur yang dijalankan didapati bahawa kajian berkaitan sumbangan agama terhadap kesihatan mental telah meningkat semenjak awal abad ke 21. Dalam konteks Malaysia ada beberapa kajian yang dibuat memfokuskan tentang kepentingan Islam dalam kaunseling. Dengan menggunakan metod analisis kandungan kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif untuk meneliti faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan Kaunseling Islam di Malaysia. Selepas segala data dari pelbagai sumber diperolehi, pengkaji melakukan proses analisis data dengan menggunakan kaedah induktif, deduktif dan komparatif. Analisis adalah tertumpu terhadap aspek sejarah dan faktor perkembangan Kaunseling Islam di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa perkembangan kaunseling Islam di Malaysia dikenal pasti bermula sekitar awal 80an. Situasi ini didorong oleh beberapa faktor. Antaranya; (1) terkesan dengan kesedaran psikologis Islam seperti Malik Badri dalam memperjuangkan Psikologi Islam di peringkat antarabangsa; (2) karya-karya Hassan Langgulung; (3) perkembangan kajian dan penyelidikan dalam bidang kaunseling Islam; (4) terkesan dengan gerakan mengintegrasikan agama ke dalam kaunseling di peringkat antarabangsa; dan (5) pengiktirafan undang-undang. Kajian lanjut untuk melihat bagaimana perkembangan Kaunseling Islam turut mempengaruhi bidang kaunseling yang lain seperti kaunseling keluarga, kaunseling kerjaya dan kaunseling sekolah juga perlu dilakukan. Ia perlu dijalankan bagi melihat gambaran sebenar kaunseling Islam yang sedang berjalan di Malaysia.

Kata kunci: Sejarah Kaunseling, Kaunseling Islam

Abstract

Counselling in Malaysia began as early as the colonial era in line with the development of education in the country. The main focus of the counselling field at that time was to provide services to students, guardians and teachers in providing students for the field of work. However, the counselling field only started officially in Malaysia after the independence or more precisely in 1963. Based on literature studies conducted, it is found that researches related to religious contributions to mental health have increased since the beginning of the 21st century. In Malaysian context, there are several studies that have been focused on the importance of Islam in counselling. Using the method of content analysis, this study is conducted to achieve the objective of examining the factors that influence the development of Islamic Counselling in Malaysia. After all the data from various sources is obtained, the researcher conducts data analysis process using inductive, deductive and comparative methods. Analysis is focused on the historical aspects and developmental factors of Islamic Counselling in Malaysia. The findings show that the development of Islamic counselling in Malaysia has been identified since the early 80's. This situation is driven by several factors. Among them; (1) impact due to Islamic psychological awareness such as by Malik Badri in developing Islamic Psychology internationally; (2) the works of Hassan Langgulung; (3) the development of studies and researches in the field of Islamic counselling; (4) impact due to the movement of integrating religion into counselling internationally; and (5) recognition of the law. Further studies to see how the development of Islamic Counselling affects other areas of counselling such as family counselling, career counselling and school counselling are also needed. It should be carried out to see the true picture of Islamic counselling in Malaysia.

Keywords: *Counselling history, Islamic Counselling*

1.0 PENGENALAN

Di Malaysia kaunseling bermula seawal era penjajahan selari dengan perkembangan pendidikan di tanah air (Abdul Halim Othman & Sharifah Bee, 1993). Ia bermula dengan pembentangan laporan keperluan bimbingan di sekolah-sekolah oleh H.R Chessman. Beliau merupakan seorang Pegawai Kanan Pendidikan, Pentadbiran kolonial British pada tahun 1938. Dalam laporan tersebut, Cheeseman memberi penekanan perlunya menggembeleng keseluruhan potensi para pelajar di sekolah untuk menyediakan mereka dalam bidang pekerjaan (Cheeseman, 1938). Laporan tersebut secara tidak langsung menyatakan keperluan guru bimbingan dan kaunseling di Sekolah-sekolah. Bermulalah penawaran khidmat bimbingan dan kaunseling di sekolah-sekolah walaupun para guru yang diberi tanggungjawab tersebut masih belum menerima sebarang latihan formal sebagai seorang kaunselor (Cheeseman, 1938). Tumpuan utama bidang kaunseling ketika itu adalah memberikan perkhidmatan kepada pelajar, penjaga dan guru-guru dalam menyediakan para pelajar untuk bidang pekerjaan. Walau bagaimana pun bidang kaunseling hanya bermula secara rasmi di Malaysia setelah kemerdekaan tanah air atau secara lebih tepatnya pada tahun 1963. Ada berberapa orang pengkaji yang merakamkan sejarah awal bermulanya bidang kaunseling di Malaysia dan perkembangannya pada peringkat awal seperti Abdul Malek, Nor Junainah, & Azizah, (2013), M. Pope, Muhaini, Singaravelu, Bringaze, & Russell, (2002), Abdul Halim, (1984), Lloyd, (1987) dan Scorzelli, (1987), Alimuddin, (1988).

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif untuk meneliti faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan Kaunseling Islam di Malaysia. Kajian turut memfokuskan sejarah perkembangan Kaunseling Islam bermula daripada pengasasan perkhidmatan kaunseling di Malaysia.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Dalam menjayakan kajian ini pengkaji menggunakan kaedah analisis. Metod ini adalah usaha penyelidikan yang dilakukan dengan mengumpulkan data yang terdapat pada sumber-sumber seperti perpustakaan (Ismail Rejab dan Nik Rahimah Nik Yacob, 1986). Kaedah ini amat penting untuk mendapatkan data-data kualitatif dalam bentuk dokumentasi dan bertulis. Data yang diperolehi melalui kaedah ini merangkumi data berbentuk primer dan sekunder (Audrey, 1988). Data-data kajian merujuk kepada bahan tulisan para pengkaji terdahulu berkaitan Kaunseling Islam di Malaysia yang diperolehi daripada pelbagai perpustakaan dan sumber-sumber lain dalam bentuk buku, jurnal, akhbar, majalah, laman sesawang dan seumpamanya. Selepas segala data dari pelbagai sumber diperolehi, pengkaji melakukan proses analisis data dengan menggunakan kaedah induktif, deduktif dan komparatif. Analisis adalah tertumpu terhadap aspek sejarah dan faktor perkembangan Kaunseling Islam di Malaysia.

4.0 KAJIAN LITERATUR

Kajian berkaitan sumbangan agama terhadap kesihatan mental telah meningkat semenjak awal abad ke 21 (Ellison & Levin, 1998; Young et al., 2002). Ini dibuktikan dengan penerbitan pelbagai jurnal berkaitan kefungsi agama merangsang kesihatan fizikal dan mental seperti *American Journal of Public Health*, *American Journal of Psychiatry*, *Journal of the American Medical Association*, *Journal of Gerontology*, *Journal of Psychosomatic Medicine*, (Ellison & Levin, 1998; Cornish, 2010; Young et al., 2002) dan *Journal of Psychology and Theology* dan jurnal *Counseling and Values* (Worthington, Kuru, McCullough, & Sandage, 1996).

Bahkan para pengkaji berpendapat, dengan menggabungkan nilai-nilai agama dalam kaunseling mampu membangunkan suatu model yang holistik (Tisdale, 2002; Hage, Hopson, Siegel, Payton, & DeFanti, 2006; Myers & Williard, 2003).

Manakala dalam konteks Malaysia ada berberapa kajian yang dibuat memfokuskan tentang kepentingan Islam dalam kaunseling. Antaranya kajian Dini Farhana, Zuria, Salleh, & Mohd Rushdan, (2017). Dalam kajian mereka, dinyatakan bahawa kaunseling adalah profesion yang berkaitan dengan semua aspek pembangunan individu dan ia sinonim dengan falsafah kesihatan. Elemen kesejahteraan ini

tidak dibahaskan secara tuntas dalam kalangan pengkaji-pengkaji barat. Sedangkan Islam mengaitkan konsep kesejahteraan dengan kesepaduan disiplin ilmu naqli dan aqli. Kajian ini membincangkan secara ringkas konsep kesejahteraan dari perspektif Islam dan Barat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Islam dan Barat kesejahteraan adalah proses seumur hidup yang holistik, yang terdiri daripada pelbagai dimensi. Walau bagaimanapun, Islam memiliki sudut pandang yang lebih menyeluruh. Kajian ini juga menggesa agar pemerhatian lebih diberikan terhadap pembangunan diri individu bukan hanya sekadar meliputi intervensi bahkan pencegahan juga perlu diberikan perhatian.

Amran Hassan & Noriah Mohamed, (2014) dalam kajian mereka, meneliti gejala homoseksual dan kaedah rawatan berasaskan pendekatan kaunseling dan agama. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji intervensi agama dan kaunseling bagi menyelesaikan permasalahan homoseksual dalam kalangan masyarakat Malaysia. Kajian ini menggunakan metod kualitatif dengan menggunakan temubual sebagai kaedah mengumpul data. Seramai lapan orang responden ditemu bual terdiri daripada mereka yang berpengalaman dalam mengendalikan kes-kes homoseksual di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan agama dan pendekatan kaunseling berpotensi menyelesaikan dilema yang dihadapi kelompok tersebut.

Salasiah Hanin, (2010) dalam kajiannya menyatakan bahawa penerapan elemen spiritual dalam kaunseling merupakan satu keperluan yang telah diiktiraf secara meluas. Situasi tersebut didorong oleh pelbagai masalah yang dihadapi klien turut bersangkutan dengan soal hati dan emosi. Pengkaji memfokuskan kajiannya untuk meneliti bimbingan spiritual daripada perspektif al-Ghazali yang diaplikasikan di Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. Kajian yang dijalankan juga turut cuba melihat hubungan antara bimbingan spiritual al-Ghazali dengan keberkesanan kaunseling yang dijalankan. Kajian ini turut mengkaji perbezaan faktor perkahwinan dengan kecenderungan kaunselor menerapkan bimbingan spiritual menurut al-Ghazali dalam kaunseling. Dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian berbentuk tinjauan ini, seramai 30 orang responden telah dipilih secara bertujuan (*purposive*) dalam kalangan klien yang pernah menjalani sesi kaunseling di PK MAINS. Dapatan kajian menunjukkan ada berberapa elemen berkaitan bimbingan spiritual menurut al-Ghazali diaplikasikan dalam sesi terutama yang bersangkutan dengan tazkiyah al-nafs. Dapatan kajian juga membuktikan terdapat hubungan yang signifikan antara bimbingan spiritual dari perspektif al-Ghazali dan keberkesanan kaunseling iaitu $r = 0.469$; $p < 0.01$. Terdapat juga perbezaan faktor perkahwinan dengan kecenderungan kaunselor menerapkan pemikiran al-Ghazali tentang bimbingan spiritual dalam kaunseling iaitu, $t = 3.450$; $p < 0.05$.

Daripada kajian-kajian yang dijalankan, pengkaji merumuskan bahawa pendekatan Islam sangat diperlukan dalam kaunseling kerana proses intervensi kaunseling Islam menitik beratkan elemen hati, akal, roh dan nafsu. Ia berbeza dengan pendekatan kaunseling Barat yang hanya menekankan aspek kognitif dan tingkah laku semata-mata. Sedangkan masalah yang dihadapi oleh seseorang bukan hanya berkaitan dengan kognitif dan tingkah lakunya, tetapi nafsu yang mempengaruhi tingkah laku dan cara fikirnya.

5.0 DAPATAN KAJIAN

Perkembangan kaunseling Islam di Malaysia dikenal pasti bermula sekitar awal 80an (Norazlina & Noor Shakirah, 2016). Situasi ini didorong oleh beberapa faktor. Antaranya; (1) terkesan dengan kesedaran psikologis Islam seperti Malik Badri dalam memperjuangkan Psikologi Islam di peringkat antarabangsa; (2) karya-karya Hassan Langgulung; (3) perkembangan kajian dan penyelidikan dalam bidang kaunseling Islam; (4) terkesan dengan gerakan mengintegrasikan agama ke dalam kaunseling di peringkat antarabangsa; dan (5) pengiktirafan undang-undang.

5.1 Peranan Malik Badri

Hasil penulisan Malik Badri banyak mendorong para kaunselor Muslim seluruh dunia untuk mengetengahkan pendekatan Islam dalam perkhidmatan yang mereka tawarkan. Karya asal Malik Badri, *Muslim Psychologists in the Lizard's Hole* yang dibentangkan di Kuala Lumpur menggesa perlunya para kaunselor Muslim memberi perhatian terhadap semangat dan roh Islam dalam bidang Psikologi dan kaunseling (S. Mohamed Iqbal, 1981). Karya yang sama versi Bahasa Arab telah diterbitkan lebih awal dalam *Majallah Al-Muslim Al-Maashir* pada tahun 1978 bagi keluaran September dan Disember (Malik Badri, 1978a).

Buku beliau bertajuk *Azminah Ulama' al-Nafs al-Muslimin* turut dijadikan bahan rujukan utama di berberapa buah universiti seperti: (1) Universiti Khortum, Sudan; (2) Universiti Raja Saud, Arab Saudi; (3) Universiti Pashewar, Pakistan; dan turut diguna pakai di berberapa buah universiti di Malaysia (Malik

Badri, 2010). Buku ini turut di terjemah ke dalam Bahasa Inggeris dengan tajuk: *The Dilemma of Muslim Psychologists* (1979) dan ke dalam Bahasa Melayu dengan tajuk: Dilema ahli psikologi Islam: Keadaan serba salah yang dihadapi oleh pakar ilmu jiwa Islam (1980). Dalam konteks Malaysia, semangat dan kesedaran itu semakin meningkat apabila Malik Badri ditawarkan untuk berkhidmat di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (Haque, Khan, Keshavarzi, & Rothman, 2016).

5.2 Peranan Hassan Langgulung

Selain daripada Malik Badri, karya-karya Hassan Langgulung turut mempengaruhi perkembangan kaunseling Islam di Malaysia (Salasih Hanin, 2010; Norazlina & Noor Shakirah, 2016). Beliau pernah bertugas di beberapa buah universiti di Malaysia termasuk Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Hasil penulisan Hassan Langgulung seperti Teori-teori kesihatan mental: Perbandingan psikologi moden dan pendekatan pakar-pakar Pendidikan Islam (1983), Psikologi dan Kesihatan Mental di Sekolah-sekolah (1983), Psikologi Islam (1986) dan Kaunseling dalam masyarakat Islam (1990) banyak mempengaruhi perkembangan kaunseling Islam di Malaysia.

5.3 Kemunculan pengkaji-pengkaji kaunseling Islam akhir kurun ke-20

Faktor berikutnya adalah kemunculan beberapa orang pengkaji dan penulis lain dengan kajian mereka yang turut menyumbang perkembangan Kaunseling Islam di Malaysia seperti Hamzah Mohamad, (1983) Aziz Salleh, (1993), Wan Hussain Azmi Abdul Kadir, (1995) Kamal Abd Manaf, (1995, 1996, 2000), Mohamed Sharif, (1998) dan Abdul Halim Othman., (1999). Pada peringkat ini perkembangan kaunseling Islam tertumpu pada sudut pandang Islam terhadap manusia, hubungan antara kaunseling dan dakwah, terapi penyembuhan Islam dan kritikan terhadap teori dan pendekatan kaunseling barat (Norazlina & Noor Shakirah, 2016).

5.4 Perkembangan kaunseling Islam abad ke-21

Perkembangan kaunseling Islam di Malaysia diteruskan oleh kelompok pengkaji berikutnya. Awal 2000 muncul pengkaji-pengkaji seperti Siti Zalikah Md. Nor, (2002), dan Jawiah Dakir, (2003). Kemudian diikuti pengkaji-pengkaji seperti Yatimah Sarmani, (2003, 2005, 2008), Salasih Hanin Hamjah, (2008), Md Noor, (2012), Mazidah, (2013), Zainab, Wan Ibrahim, & Asyraf, (2014), Halimah & Zainab, (2015) dan Norazlina, (2017). Pengkaji-pengkaji ini memberikan sumbangan yang sangat besar terhadap perkembangan Kaunseling Islam di Malaysia.

5.5 Aliran integrasi agama dalam kaunseling

Selain daripada kemunculan tokoh-tokoh dan pengkaji-pengkaji yang memperjuangkan kaunseling Islam, gerakan mengintegrasikan agama ke dalam kaunseling di peringkat antarabangsa turut menjadi pendorong kepada perkembangan kaunseling Islam di Malaysia. Dengan wujudnya pelbagai kajian yang mengkaji kesan agama dan spiritual terhadap klien yang dijalankan di Barat, pengkaji-pengkaji Muslim turut terdorong mengetengahkan Islam sebagai subjek kajian dalam bidang Kaunseling.

Jika diteliti daripada sudut sejarah, penerimaan terhadap pendekatan integrasi dalam kaunseling telah bermula seawal tahun 1980an (Corey, 2013). Bermula daripada detik tersebut pendekatan integrasi dalam kaunseling terus berkembang. Di Amerika dan negara-negara barat, pendekatan integrasi dalam kaunseling telah mendapat perhatian di kalangan pengkaji dan pengamal khususnya dalam satu dekad kebelakangan ini (Robertson, 2010). Perkembangan integrasi dalam kaunseling turut menerima elemen agama dan spiritual (Walz & Benjamin, 1983). Idea penerapan elemen agama dalam kaunseling sebenarnya telah bermula pada era William James, Alfred Adler (Dailey et al., 2011), Gordon Allport, Erik Fromm, dan Jung (Thikens, 2012) tetapi ia berjalan sangat perlahan. Usaha tokoh-tokoh tersebut dilihat sebagai batu asas penerapan elemen agama dalam kaunseling di barat.

Fenomena integrasi agama dalam kaunseling terus berkembang. Dengan usaha yang dilakukan bahagian kod etika dan perkhidmatan ACA, agama telah dimasukkan sebagai satu komponen dalam *'human diversity and spiritual concerns'* dan dikenali sebagai V-code dalam DSM IV (Briggs & Rayle, 2005). Pengiktirafan ACA terhadap integrasi agama dalam kaunseling turut meliputi pengiktirafan terhadap ASERVIC sebagai agensi yang bertanggungjawab terhadap amalan agama dan spiritual dalam kaunseling. Di Malaysia walau pun tidak banyak kajian yang telah dijalankan tetapi proses pengintegrasian agama dalam kaunseling turut berlaku sama ada dalam bentuk implisit atau pun eksplisit (Mazidah, Raja Zirwatul Aida, & Azlina, 2015). Ia turut didokong oleh kajian Norazlina & Noor Shakirah, (2016).

5.6 Pengiktirafan Undang-Undang

Selain daripada faktor-faktor yang telah disebutkan, pengiktiran undang-undang turut memberi impak yang sangat besar terhadap perkembangan kaunseling Islam. Sebagai sebuah negara yang dilabel sebagai Negara Islam (Martinez, 2001) dan meletakkan Islam sebagai agama bagi Persekutuan (Perlembagaan Persekutuan, 2008) penerapan nilai-nilai agama berlaku dalam keseluruhan bidang kehidupan dan pekerjaan di Malaysia. Perkembangan terhadap kesedaran Islam pada tahun-tahun 70an dan 80an (David Camroux) turut memberi kesan terhadap perkembangan kaunseling Islam di Malaysia. Bahkan Ia juga termasuk dalam elemen yang perlu diberikan perhatian oleh para kaunselor semasa menjalankan sesi (Lembaga Kaunselor Malaysia, 2011).

Di Amerika, ACA telah memasukkan agama dalam kod etika amalan kaunseling (ACA, 2014; Robertson, 2010). Tiga seksyen yang menyebutkan secara langsung tentang agama adalah A.1.d, C.5 dan E.8. Dalam seksyen A.1.d menyebutkan sistem sokongan bagi klien termasuk golongan agamawan. Manakala dalam seksyen C.5 menyebutkan seorang kaunselor tidak boleh melakukan diskriminasi berasaskan agama dalam mengendalikan sesi dan seksyen E.8 meletakkan agama sebagai elemen asas dalam membuat penilaian terhadap klien. Situasi ini menggambarkan kepentingan mengambil kira agama dalam proses intervensi yang dijalankan.

6.0 PENUTUP

Pengkaji dapat merumuskan bahawa kaunseling Islam telah mula bertapak di Malaysia seawal tahun 70an dan terus berkembang pada tahun-tahun berikutnya. Ada beberapa faktor utama dikenal pasti yang mempengaruhi perkembangan kaunseling Islam di Malaysia antaranya; (1) terkesan dengan kesedaran psikologis Islam seperti Malik Badri dalam memperjuangkan Psikologi Islam di peringkat antarabangsa; (2) karya-karya Hassan Langgulung; (3) perkembangan kajian dan penyelidikan dalam bidang kaunseling Islam; (4) terkesan dengan gerakan mengintegrasikan agama ke dalam kaunseling di peringkat antarabangsa; dan (5) pengiktirafan undang-undang.

Pengkaji mencadangkan perlunya ada kajian lanjut bagaimana perkembangan Kaunseling Islam turut mempengaruhi bidang kaunseling yang lain seperti kaunseling keluarga, kaunseling kerjaya dan kaunseling sekolah. Dapatan kajian-kajian tersebut akan dapat memberikan gambaran sebenar kaunseling Islam yang sedang berjalan di Malaysia secara menyeluruh.

7.0 RUJUKAN

- Abdul Halim Othman, & Sharifah Bee, A. B. (1993). *Guidance, Counseling, and Counselor Education in Malaysia*. In Abdul Halim Othman & Amir Awang (Eds.), *Counseling in the Asia-Pacific Region* (1st ed., pp. 1–26). London: Greenwood Press.
- Abdul Halim Othman. (1999). *Kaunseling untuk kesejahteraan insan: Satu pengalaman di Malaysia*. 1999.
- Abdul Halim, O. (1984). *Penyelidikan kaunseling dan bimbingan di Malaysia : Satu penerokaan di sebuah institusi pengajian tinggi*. PERKAMA, 1(1), 122–139.
- Abdul Malek, A. R., Nor Junainah, M. I., & Azizah, A. (2013). *A Guidance and Counseling Model Practiced within Malaysian Schools*. *A Guidance and Counseling Model Practiced within Malaysian Schools*, 1(4), 1–12.
- ACA. (2014). *Code of ethics*. American Counseling Association. American Counseling Association.
- Alimuddin, M. D. (1988). *Tanggapan Pelajar Terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Enam Buah Sekolah Menengah di Malaysia*. Universiti Pertanian Malaysia.
- Amran Hassan, & Noriah Mohamed. (2014). *Alternatif Keagamaan Dan Kaunseling ; Sebagai Rawatan*. *Journal of Human Development and Communication*, 3, 79–92.
- Aziz Salleh. (1993). *Kaunseling Islam asas*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Briggs, M. K., & Rayle, A. D. (2005). *Incorporating Spirituality Into Core Counseling Courses: Ideas for Classroom Application*. *Counseling and Values*, 50(October), 63–76.
- Career in Malaya : A guide for parents, teachers and pupils*. (1939). Faderation Malay States Government Press.
- Cheeseman, H. A. R. (1938). *Report on vocational education in Malaya : being proposals regarding the provision of additional facilities for vocational education and modifications in school curricula so as to bring into closer touch present day conditions*. Kuala Lumpur: Malay Education Service.

- Corey, G. (2013). *Theory and practice of counseling and psychotherapy* (Internatio). Canada: Cengage Learning.
- Cornish, M. A. (2010). *The integration of religion and spirituality in group therapy: Practitioners' perceptions and practices*. Iowa State University.
- Dailey, S. F., Curry, J. R., Harper, M. C., Moorhead, H. J. . ., & Gill, C. S. . (2011). Exploring the Spiritual Domain: Tools for Integrating Spirituality and Religion and Counseling. *Vistas Online*, 2–12.
- Dailey, S. F., Robertson, L. a., & Gill, C. S. (2014). Spiritual Competency Scale: Further Analysis. *Measurement and Evaluation in Counseling and Development*, 48, 15–29. <https://doi.org/10.1177/0748175614544688>
- Dini Farhana, B., Zuria, M., Salleh, A., & Mohd Rushdan, M. J. (2017). Potential Integration Of Naqli And Aqli Knowledge In Counseling By Understanding The Concept Of Wellness. *Abstrak Introduction. Ulum Islamiyah*, 20(April), 1–9.
- Ellison, C. G., & Levin, J. S. (1998). The Religion-Health Connection: Evidence, Theory, and Future Directions. *Health Education {&} Behavior*, 25(6), 700–720. <https://doi.org/10.1177/109019819802500603>
- Hage, S. M., Hopson, A., Siegel, M., Payton, G., & DeFanti, E. (2006). Multicultural Training in Spirituality: An Interdisciplinary Review. *Counseling and Values*, 50(3), 217. <https://doi.org/10.1002/j.2161-007X.2006.tb00058.x>
- Halimah, A. H., & Zainab, I. (2015). Pendekatan Pencegahan Kaunselor Muslim dalam Menangani Salah Laku Pelajar Sekolah Menengah di Daerah Klang, Selangor. *International Journal of Islamic Thought*, 8(Dec), 17–26. Retrieved from www.ukm.my/ijit
- Hamzah, M. (1983). Bimbingan dan Kaunseling dari Sudut Pandang Islam. *PERKAMA*, 1(1), 79–84.
- Haque, A., Khan, F., Keshavarzi, H., & Rothman, A. E. (2016). Integrating Islamic Traditions in Modern Psychology: Research Trends in Last Ten Years. *Journal of Muslim Mental Health*, 10(1). <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.3998/jmmh.10381607.0010.107>
- Kamal Abd Manaf. (1995). *Kaunseling Islam perbandingan antara amalan dan teori kaunseling barat*. Kuala Lumpur: utusan publication & distributor.
- Kamal Abd Manaf. (1996). *Perbezaan dan persamaan pandangan Carl Rogers dan Imam Ghazali terhadap beberapa aspek kaunseling*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamal Abd Manaf. (2000). *Kaunseling Islam satu alternatif baru di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Khairunnas Rajab. (2015). Nilai-nilai Holistik Dalam Kaunseling Islam. *Jurnal Afkar*, 17, 25–50.
- Lembaga Kaunselor Malaysia. (2011). *Kod Etika Kaunselor Lembaga Kaunselor Malaysia*. Kod Etika Kaunselor Lembaga Kaunselor Malaysia (1). Kuala Lumpur: Penerbitan Lembaga Kaunselor.
- Lloyd, A. P. (1987). *International Perspective Counselor Education in, (MARCH)*.
- Malaya Tribune. (1939, October 5). Official book on careers in Malaya, p. 4. Retrieved from <http://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/maltribune19391005-1.2.46>
- Malik Badri. (1978a). Ulama al-Nafs al-Muslimun Fi hujr Al-dhab. *Majallah Al-Muslim Al-Maashir*, 97–113. Retrieved from http://almuslimalmuaser.org/index.php?option=com_k2&view=item&id=113:2-الضب-في-جر-الضب
- Malik Badri. (1978b, September). Ulama al-Nafs al-Muslimun Fi hujr Al-dhab. *Majallah Al-Muslim Al-Maashir*, 105–124. Retrieved from http://almuslimalmuaser.org/index.php?option=com_k2&view=item&id=107:3olamaa-elnafs
- Malik Badri. (2010). *Azminah Ulama' al-Nafs al-Muslimin*. Amman: Dar Debono li al-Thiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Martinez, P. A. (2001). The Islamic State or the State of Islam in Malaysia. *Contemporary Southeast Asia*, 23(3), 474–504. <https://doi.org/10.1355/CS23-3E>
- Mazidah, M. D. (2013). Faktor yang mempengaruhi integrasi kefahaman beragama dalam amalan kaunseling pelbagai budaya di Malaysia. *Universiti Putra Malaysia*.
- Mazidah, M. D., Raja Zirwatul Aida, R. I., & Azlina, A. B. (2015). Integrasi agama dalam amalan kaunseling di malaysia. In *Proceedings of ICIC2015-International conference on empowering Islamic Civilization in the 21th Century* (pp. 600–612).
- Md Noor, S. (2012). *Pembinaan Modul Bimbingan Tazkiyah An-Nafs Dan Kesannya Ke Atas Religiositi Dan Resiliensi Remaja*. Universiti Utara Malaysia.
- Miller, G. (1999). The development of the spiritual focus in counseling and counselor education. *Journal of Counseling and Development*, 77, 498–501.
- Mohamed Sharif. (1998). *Kaunseling Islam*. *Jurnal Pendidikan UTM*, (April), 19–30.

- Myers, J. E., & Williard, K. (2003). Integrating spirituality into counselor preparation: A developmental approach. *Counseling and Values*. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.1002/j.2161-007X.2003.tb00231.x>
- Norazlina, Z. (2017). A comparison of the recognition of Islamic and christian counselling in Malaysia. *Universiti Sains Malaysia*.
- Norazlina, Z., & Noor Shakirah, M. A. (2016). Theories and Modules Applied in Islamic Counseling Practices in Malaysia. *Journal of Religion and Health*, 56(2), 507–520. <https://doi.org/10.1007/s10943-016-0246-3>
- Perlembagaan Persekutuan, Pub. L. No. 3 (2008). Malaysia.
- Pope, M., Muhaini, M., Singaravelu, H., Bringaze, T., & Russell, M. (2002). From Colonialism to Ultrationalism: History and development of career counselling in Malaysia. *Career Development Quarterly*, 50(March), 264–276.
- Robertson, L. A. (2010). The spiritual competency scale. *Counseling and Values*, 55(1), 6–24. <https://doi.org/10.1002/j.2161-007X.2010.tb00019.x>
- S. Mohamed Iqbal. (1981). Islamic perspective in personality assessment and curent trends in psychology. *The Journal of IMA*, 13, 67–72. <https://doi.org/10.5915/13-2-11935>
- Salasiah Hanin Hamjah. (2008). Pendekatan Da'Wah Al-Irsyad Al-Nafsiyy Menurut Al-Ghazali : Satu Kajian Di Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. Tesis UKM, 1–24.
- Salasiah Hanin. (2010). Bimbingan Spiritual Menurut al-Ghaz ali dan Hubungannya dengan Keberkesanan Kaunseling : Satu Kajian di Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (PK MAINS). *Islamiyyat*, 32(32), 41–61.
- Scorzelli, J. (1987). Counseling in Malaysia: An Emerging Profession. *Journal of Counseling & Development*. <https://doi.org/10.1002/j.1556-6676.1987.tb01273.x>
- Siti Zalikah Md. Nor. (2002). Kaunseling menurut perspektif Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Thikens, T. Q. (2012). Best Practices in Couple and Family Therapy Spiritual Diversity Education : Experts ' Beliefs , Experiences , and Recommendations. Alliant International University.
- Tisdale, T. (2002). Three voices, one song: A psychologist, spiritual director, and pastoral counselor share perspectives on providing care. *Journal of Psychology*, 31(1), 52–68.
- Walz, G. R., & Benjamin, L. (1983). Shaping Counselor Education Programs in the Next Five Years: An Experimental Prototype for the Counselor of Tomorrow. In *Proceedings of the Flagship Conference of the Association for Counselor Education and Supervision*, April 29-May 2, 1983. Orlando, Florida.
- Wan Hussain Azmi Abdul Kadir. (1994). Kaunseling Dan Psikologi Menurut Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Young, J. S., Cashwell, C., Wiggins-Frame, M., & Belaire, C. (2002). Spritual and Religious Competencies: A National Survey of CACREP Accredited Program. *Counseling and Values*, 47, 22–33.
- Zainab, I., Wan Ibrahim, & Asyraf. (2014). Counseling services in muslim communal life in malaysia. *Middle - East Journal of Scientific Research*, 20(11), 1445–1448. <https://doi.org/10.5829/idosi.mejsr.2014.20.11.21075>